



**KEMENTERIAN
PERPADUAN NEGARA**

TEKS UCAPAN ALUAN

**YANG BERHORMAT
DATUK HALIMAH BINTI MOHAMED SADIQUE
MENTERI PERPADUAN NEGARA**

**MAJLIS PELANCARAN
PELAN PEMERKASAAN KEPIMPINAN KOMUNITI
RUKUN TETANGGA 2021-2030
DAN
ANUGERAH PERDANA RUKUN TETANGGA 2021**

28 FEBRUARI 2021

(AHAD)

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM
ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH,
SALAM SEJAHTERA DAN SALAM PERPADUAN.

YANG AMAT BERHORMAT
TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN
PERDANA MENTERI MALAYSIA

YB SENATOR DATO' SRI TI LIAN KER
TIMBALAN MENTERI PERPADUAN NEGARA

YBHG. DATUK WAN SURAYA BINTI WAN MD RADZI
KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

YBRS. TUAN HAJI ABDUL HALIM BIN HASSAN
KETUA PENGARAH
JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL (JPNIN)

BARISAN KEPIMPINAN KAWASAN RUKUN TETANGGA KRT
SELURUH NEGARA

TUAN-TUAN DAN PUAN YANG SAYA HORMATI SEKALIAN.

1. ALHAMDULILLAH, KITA PANJATKAN KESYUKURAN KE HADRAT ALLAH SWT KERANA DENGAN LIMPAH DAN IZINNYA DAPAT KITA BERSAMA-SAMA DALAM **MAJLIS PELANCARAN PELAN PEMERKASAAN KEPIMPINAN KOMUNITI RUKUN TETANGGA DAN ANUGERAH PERDANA RUKUN TETANGGA 2021** PADA HARI INI.

2. SAYA MERAKAMKAN SETINGGI-TINGGI PENGHARGAAN DAN TERIMA KASIH KEPADA YAB TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, PERDANA MENTERI MALAYSIA, DI ATAS KESUDIAN MENYEMPURNAKAN **MAJLIS PELANCARAN PELAN PEMERKASAAN KEPIMPINAN KOMUNITI RUKUN TETANGGA DAN ANUGERAH PERDANA RUKUN TETANGGA 2021**.

3. SESUNGGUHNYA KEHADIRAN YAB TAN SRI DALAM MAJLIS INI AMAT BESAR ERTINYA KEPADA SELURUH WARGA KOMUNITI RUKUN TETANGGA (KRT) DI SELURUH NEGARA.

YAB TAN SRI, DATUK-DATUK, TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKALIAN,

4. PERANAN DAN SUMBANGAN RUKUN TETANGGA ADALAH AMAT PENTING SEKALI DALAM MEMUPUK KEHARMONIAN DAN KESEJAHTERAAN KOMUNITI.

5. PELANCARAN PELAN PEMERKASAAN KEPIMPINAN KOMUNITI RUKUN TETANGGA DAN EMPAT AGENDA KERJA KRT PADA HARI INI ADALAH INISIATIF KE ARAH USAHA MEMPERKASA KEPIMPINAN KOMUNITI RUKUN TETANGGA UNTUK MEMBERI KHIDMAT YANG LEBIH BERKESAN DAN CEMERLANG KEPADA RAKYAT DI PERINGKAT AKAR UMBI.

6. USAHA PEMERKASAAN INI JUGA SELARI DENGAN DASAR PERPADUAN NEGARA DAN RANGKA TINDAKAN (*BLUEPRINT*) PERPADUAN NEGARA 2021-2030 YANG TELAH DILANCARKAN OLEH YAB PERDANA MENTERI PADA 15 FEBRUARI 2021.

7. PELAN PEMERKASAAN INI MERANGKUMI PENGENALAN MODUL GERAK KERJA KOMUNITI RUKUN TETANGGA YANG LEBIH KOMPREHENSIF DAN INKLUSIF MELIBATKAN KERJASAMA STRATEGIK DENGAN PELBAGAI AGENSI AWAM, BADAN BUKAN KERAJAAN (NGO) DAN SWASTA.

YAB TAN SRI, DATUK-DATUK, TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN
SEKALIAN

8. PADA PAGI INI JUGA AKAN DIADAKAN **MAJLIS ANUGERAH PERDANA KRT SEBAGAI PENGIKTIRAFAN KEPADA KRT CEMERLANG SEPANJANG TAHUN 2020**. LAPAN KATEGORI ANUGERAH TELAH DIPERTANDINGKAN IAITU:

- I. PENGURUSAN RUKUN TETANGGA TERBAIK

- II. PENGURUSAN SKIM RONDAAN SUKARELA TERBAIK
- III. PENGURUSAN JIRAN WANITA TERBAIK
- IV. PENGURUSAN JIRAN MUDA TERBAIK
- V. PENGURUSAN PROJEK INOVASI KRT TERBAIK
- VI. PENGURUSAN PROJEK EKONOMI KRT TERBAIK
- VII. PENGURUSAN TABIKA PERPADUAN TERBAIK
- VIII. PENGURUSAN TASKA GENIUS PERPADUAN TERBAIK

PEMENANG TERBAIK DARIPADA LAPAN ANUGERAH INI TELAH DIPILIH SEBAGAI PEMENANG ANUGERAH PERDANA RUKUN TETANGGA .

- 9. SETERUSNYA, SAYA DENGAN PENUH TAKZIM MENJEMPUT YAB TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, PERDANA MENTERI MALAYSIA UNTUK MENYAMPAIKAN AMANAT BELIAU DAN SETERUSNYA MELANCARKAN **PELAN PEMERKASAAN KEPIMPINAN KOMUNITI RUKUN TETANGGA DAN ANUGERAH PERDANA RUKUN TETANGGA 2021.**
- 10. SEKIAN WABILLAHI TAUFIK WAL HIDAYAH, WASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH.